



(Dari kanan) Cik Jannatul Munirah Razak, 23 tahun, bersama anaknya, Mardhiyah Naura, tiga tahun, dan Mohd Naim, lima tahun, dan seorang rakan Cik Jannatul, mengambil bahagian dalam aktiviti mesra alam di majlis pelancaran Green Adventures di Kelab Masyarakat Frontier di Jurong West pada 2 Mac. – Foto ZAOBAO

## Inisiatif bantu keluarga KidSTART pupuk tabiat mesra alam

► ZULAIQAH ABDUL RAHIM  
zulabr@sph.com.sg

Mempelajari konsep kemampunan dan memupuk tabiat mesra alam yang menyeronokkan kini lebih mudah bagi keluarga di bawah program KidSTART hasil satu inisiatif baru yang diperkenalkan.

Diberi nama, 'Green Adventures' atau Kembara Hijau, ia bertujuan menggalakkan keluarga lebih sedar mengenai isu kemampunan, dengan melibatkan mereka dalam pengembaraan sepanjang tahun bagi mendedahkan kanak-kanak kepada faktor alam sekitar yang menjelaskan dunia secara meluas.

Inisiatif hasil kerjasama KidSTART dengan SP Group itu telah dilancarkan Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, pada 2 Mac.

Ia akan memberi tumpuan kepada tiga tema utama iaitu Memelihara Laut, Memelihara Persekuturan dan Memelihara Haiwan.

*Green Adventures* akan dibiayai hasil sumbangan tambahan SP Group sebanyak \$1.1 juta kepada KidSTART, yang juga diumumkan pada 2 Mac.

Ini merupakan tahun ketiga firma utiliti itu bekerjasama dengan KidSTART, pertubuhan bukan mencari keuntungan yang menyokong keluarga dalam pembangunan awal kanak-kanak.

Sejak 2021, SP Group telah mendermakan sejumlah \$3.2 juta bagi menyediakan keperluan pembelajaran dan pembina-

"Kita harus melibatkan kanak-kanak daripada usia yang muda, memupuk keinginan mereka untuk memelihara alam sekitar dan menanam tabiat yang positif."

– Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad.



ngunan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah di bawah KidSTART.

Lagi 2,000 kanak-kanak dijangka meraih manfaat daripada sumbangan terkini itu, yang menawarkan akses kepada sumber pendidikan seperti peranti digital, buku dan aktiviti pembelajaran.

Ketika berucap kepada kira-kira 400 ibu bapa dan kanak-kanak KidSTART semasa majlis pelancaran di Kelab Masyarakat Frontier di Jurong West, Encik Masagos berkata inisiatif seperti *Green Adventures* dapat membantu menangani perubahan iklim dan "melindungi masa depan kanak-kanak kita".

"Kita harus melibatkan kanak-kanak daripada usia yang muda, memupuk keinginan mereka untuk memelihara alam sekitar dan menanam tabiat yang positif. Kedua-dua ibu bapa dan kanak-kanak boleh bekerjasama memupuk amalan kemampunan dan menjadikannya aktiviti tetap keluarga serta merebut peluang membin-

cangkan kesan tindakan mereka dan kepentingan kemampunan alam sekitar," ujarnya.

Ketua Pegawai Eksekutif KidSTART Singapore, Cik Rahayu Buang, sepakat.

"Isu perubahan iklim adalah sangat nyata. Ia menjelaskan semua orang, terutamanya kanak-kanak. Kami ingin kanak-kanak tahu mereka juga boleh memainkan peranan menyelamatkan apa yang akan berlaku kepada masa depan mereka... Mereka boleh mempunyai persekitaran yang selamat dan indah untuk didiami," kongsinya.

Cik Jannatul Munirah Razak, 23 tahun, yang menyertai KidSTART sejak 2021, mengalui-alukan inisiatif *Green Adventures*.

Ibu kepada dua anak berusia tiga dan lima tahun itu, berkata: "Anak-anak saya banyak belajar tentang alam sekitar daripada acara hari ini. Saya percaya ia penting untuk mendedahkan mereka kepada kemampunan sejak kecil."